



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI SABAH

جَبَاتُ خَالِ الْإِسْلَامِ نِجَرِي سَابَا

## KHUTBAH JUMAAT PERTAMA DAN KEDUA

09 JAMADILAWAL 1447H / 31 OKTOBER 2025M

### “SOLAT PENYEMPURNAAN AGAMA ISLAM”

Disediakan oleh:

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS)

#### Arahan kepada PTA/ PPMD/ AJK MASJID/ SURAU:

- Seksyen 97, Enakmen 3 Tahun 1995, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah 1995, Bahagian IV - Kesalahan Khutbah menyatakan bahawa menjadi kesalahan bagi khatib yang membaca khutbah Jumaat yang bukan disediakan, disemak atau diluluskan oleh Majlis dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- Khatib hendaklah menyemak terlebih dahulu khutbah ini sebelum disampaikan kepada para jemaah supaya sempurna rukun dan baris agar dapat disampaikan dengan fasih dan lancar.
- Khutbah ini hendaklah dibaca oleh Imam Qariah atau Imam Rawatib yang bertugas di masjid atau surau yang berkenaan kecuali ada kebenaran khas dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS).
- Khutbah hendaklah disampaikan pada tarikh dan masa yang ditetapkan oleh JHEAINS.
- Khatib tidak dibenarkan meminda isi perkataan dalam khutbah ini kecuali untuk menyempurnakan rukun khutbah, kesilapan ejaan dan baris pada ayat-ayat al-Quran & Hadis yang terkandung di dalamnya.
- Khutbah hendaklah disampaikan dalam tempoh 10 - 15 minit sahaja.



Mohon semak QR code ini jika ada sebarang cadangan penambahbaikan. Sekian, terima kasih

## KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّكْعَيْنِ ﴿٤٣﴾ (البقرة: 43)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا مُحَمَّدٍ، أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ،  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ، وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ  
مُسْلِمُونَ

### **MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT SEKALIAN,**

Khatib berpesan kepada diri sendiri dan sidang jumaat sekalian, agar sentiasa berusaha meningkatkan ketakwaan kepada Allah, dengan sebenar-benar takwa. Marilah kita hayati makna takwa yang hakiki, iaitu melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi setiap larangan-Nya. Sesungguhnya, berjayalah orang-orang yang bertakwa dengan mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat. Tajuk khutbah jumaat pada kali ini ialah: **“SOLAT PENYEMPURNAAN AGAMA ISLAM”**.

### **HADIRIN JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Solat merupakan satu ibadah khusus yang diperintahkan Allah SWT kepada seluruh umat Islam sebagai bukti kehambaan dan kepatuhan kepada-Nya. Solat menurut bahasa adalah doa. Manakala solat dari sudut syarak adalah suatu ibadah yang mengandungi bacaan serta perbuatan tertentu yang dimulakan dengan mengangkat takbir dan diakhiri dengan salam. Antara dalil

pensyariatan solat berdasarkan al-Quran adalah seperti firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 43:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَآتُوا الزَّكَاةَ وَارْكَعُوا مَعَ الرَّاكِعِينَ ﴿٤٣﴾ (البقرة: 43)

**Maksudnya:** “Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat, dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.”

Dalil kalamullah yang dibacakan tadi merupakan suatu perintah kewajipan solat ke atas semua manusia termasuk orang beriman dan kanak-kanak yang mumayyiz (yakni yang dapat membezakan perkara baik dan buruk), baligh dan berakal.

## MUSLIMIN MUSLIMAT YANG DIKASIHI ALLAH SWT,

Daripada Muadz bin Jabal RA bahawa Rasulullah SAW bersabda:

رَأْسُ الْأَمْرِ الْإِسْلَامُ وَعَمُودُهُ الصَّلَاةُ

**Maksudnya:** “Tunjang segala urusan adalah agama Islam dan tiangnya adalah solat.” (HR al-Tirmidzi)

Hadis ini secara jelas merujuk kepada solat sebagai tiang agama Islam yang sangat penting untuk mencapai kesempurnaan dalam beragama. Ini menunjukkan kepentingan solat dalam Islam yang diibaratkan seperti tiang yang menopang sebuah binaan.

Menurut as-Suyuti dalam syarahannya terhadap ‘Sunan at-Tirmizi’, “Seseorang hamba Allah apabila dia tidak memperakui pensyariatan solat maka baginya dikira sebagai tidak beragama. Manakala bagi sesiapa yang memperakui pensyariatannya maka dia telah berpegang pada ajaran agama Islam.”

## HADIRIN JUMAAT YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Solat fardu lima waktu ditetapkan oleh Allah dengan penuh hikmah dan keseimbangan dalam kehidupan manusia. Allah SWT berfirman dalam surah an-Nisaa', ayat 103:

... إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا ﴿١٠٣﴾ (النساء: 103)

**Maksudnya:** “... Sesungguhnya sembahyang itu adalah satu ketetapan yang diwajibkan atas orang-orang yang beriman, yang tertentu waktunya..”

Terdapat beberapa waktu yang telah difardukan kepada umat Islam. Antaranya ialah:

1. **Solat Subuh.** Waktunya bermula daripada terbit fajar sadiq hingga terbit matahari. Subuh mendidik jiwa agar memulakan hari dengan kesedaran kepada Allah, menjauhkan sifat malas dan lalai. Menurut Ibn Qayyim dalam *Zad al-Ma'ad*, solat Subuh menyucikan hati dan melindungi daripada godaan syaitan di awal pagi.
2. **Solat Zuhur.** Waktu Zuhur bermula apabila matahari mula tergelincir dari kedudukan tengah langit ke arah barat, dan berlanjutan sehingga bayang-bayang suatu objek menjadi sama panjang dengan objek itu sendiri. Solat Zuhur memberi ketenangan di tengah kesibukan urusan dunia. Ramai manusia diuji dengan kelalaian serta meninggalkan solat zuhur semata-mata ingin mendahului urusan peribadi. Waktu ini mengingatkan manusia bahawa dunia hanyalah persinggahan dan ketenangan sebenar hanyalah nilai diri kita menghambakan diri untuk sujud dan patuh dengan perintah Allah.
3. **Solat Asar.** Waktunya bermula apabila bayang matahari melebihi panjang sesuatu hingga terbenam matahari. Waktu asar adalah waktu

manusia sibuk dengan pekerjaan. Menjaga solat Asar menunjukkan keikhlasan dan keteguhan iman. Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ فَاتَتْهُ صَلَاةُ الْعَصْرِ حَبِطَ عَمَلُهُ

**Maksudnya:** “Sesiapa yang meninggalkan solat asar, maka sia-sialah amalnya.” (HR al-Bukhari)

4. **Solat Maghrib.** Waktunya bermula selepas terbenam matahari hingga hilang warna kemerah-merahan. Ia mengingatkan manusia untuk kembali kepada Allah setelah seharian mencari rezeki. Malang sekali, ramai manusia pada waktu Maghrib ini, menjadikannya sebagai budaya dengan berkumpul di persisiran pantai sambil menunggu terbenamnya matahari. Mereka sibuk melakukan perkara yang tidak berfaedah sehingga meninggalkan solat. Perlu ditegaskan, bahawa diantara lima waktu solat yang difardukan, waktu Maghrib merupakan waktu yang begitu singkat. Maka rebutlah peluang dengan mengerjakannya pada awal waktu.

Rasulullah SAW berpesan: *“Apabila kegelapan malam menjelma atau apabila sudah lewat petang, maka tahanlah anak-anak kamu. Kerana, pada waktu itu syaitan berkeliaran. Apabila telah berlalu beberapa ketika daripada malam, biarkanlah mereka dan tutuplah pintu serta sebutlah nama Allah kerana syaitan tidak akan membuka pintu* (HR Al-Bukhari dan Muslim).

Waktu Maghrib adalah masa yang digalakkan untuk segera mendirikan solat dan melindungi diri serta keluarga daripada gangguan syaitan. Manfaatkanlah waktu tersebut dengan mengisi perkara yang berfaedah seperti mentadabbur ayat suci Al-Quran, berzikir, mendidik anak-anak dengan ilmu Fardu Ain dan Fardu Kifayah. Semoga keluarga kita terhindar dari perkara-perkara yang melalaikan.

5. **Solat Isyak.** Waktunya bermula selepas hilang warna kemerah-merahan hingga sebelum masuk waktu Subuh. Solat Isyak menyempurnakan amalan harian setiap hamba yang beriman. Orang yang tidur dalam keadaan berwuduk selepas Isyak didoakan oleh para malaikat sepanjang malam. Menurut Imam Ibn Kathir, solat Isyak melatih kesabaran dan kekuatan jiwa kerana ia dilakukan pada waktu rehat dan keletihan.

### **HADIRIN JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,**

Solat bukan sekadar kewajipan, tetapi sumber kekuatan, ketenangan, simbol ketaatan dan pengabdian diri kepada Allah SWT. Yang paling utama, solat adalah kesempurnaan beragama seseorang muslim.

Menyimpul khutbah pada minggu ini, marilah sama-sama kita hayati intipati khutbah yang telah disampaikan:

**Pertama:** Solat adalah tiang agama dan asas iman. Tanpa solat, runtuhlah agama seseorang. Lima waktu solat fardu ditetapkan dengan hikmah. Setiap waktu mendidik jiwa dan menundukkan nafsu.

**Kedua:** Ibu bapa wajib mendidik anak-anak tentang solat sejak kecil. Ia adalah amanah yang akan ditanya di akhirat kelak.

**Ketiga:** Seorang muslim wajib menjaga solat meskipun dalam kesibukan berkerja.

Allah SWT telah menyebut di dalam al-Quran tentang kedudukan penghuni neraka yang tidak mengerjakan solat. Soalnya, apakah kita masih lalai dan terbuai dengan kenikmatan dunia sehinggakan kita culas serta cuai dalam tunduk patuh terhadap perintah Allah SWT. Tanpa mengerjakan solat, adakah kita layak ditempatkan dan diberi jaminan syurga Allah SWT? Maka renung-renungkanlah pesanan baginda Nabi SAW:

إِنَّ أَوَّلَ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مِنْ عَمَلِهِ صَلَاتُهُ، فَإِنْ صَلَحَتْ فَقَدْ أَفْلَحَ  
وَأَنْجَحَ، وَإِنْ فَسَدَتْ فَقَدْ خَابَ وَخَسِرَ

**Maksudnya:** “Perkara pertama yang akan dihisab pada diri seseorang pada orang hari akhirat daripada sekalian amalnya ialah solatnya. Jika solatnya benar dan sempurna, maka dia akan berjaya dan menang, dan jika solatnya kurang (iaitu tidak benar) maka dia akan rugi dan menyesal.”

(HR al-Tirmizi, Ahmad, Abu Daud dan Ibn Majah)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ  
اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ  
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## تيكس خطبة كدوا

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ  
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمَرَكُمْ بِالصَّلَاةِ  
وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ  
عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى  
آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

آمين يا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالْبَرَكَاتِ وَالْهُدَايَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالصِّحَّةَ الدَّائِمَةَ عَلَى مَلِكِنَا  
كَبَاوَه دُولِي يَغْ مَهَا مَوْلِيَا سَرِي قَادُوكْ بَكِينْدَا يَغْ دَفَرْتَوَانْ أَكُوغْ وَكَذَلِكَ عَلَى فَخَّامَةِ الرَّئِيسِ  
الْأَعْلَى تَوَانْ يَغْ تَرَاوَتَامْ يَغْ دَفَرْتَوَانْ نَكْرِي سَابَه. وَاجْعَلِ اللَّهُمَّ هَذِهِ الْبَلَدَةَ وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ  
أَمْنَةً مُطْمَئِنَّةً، إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

اللَّهُمَّ اذْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمِحْنَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ، مِنْ  
بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.

Ya Allah, selamatkanlah saudara kami yang dizalimi di bumi barakah Palestin,  
kasihani dan limpahkanlah Rahmat-Mu ke atas mereka.

Ya Allah! Naungilah kehidupan, negeri dan juga negara kami. Hiasilah diri kami  
dengan sifat terpuji dan jauhi kami dari sifat yang keji. Jadikanlah kami dan  
keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara  
berjemaah, menunaikan zakat, berpuasa dalam bulan Ramadan, mengerjakan

ibadah haji, mewakafkan harta dan berinfaq pada jalan yang Engkau redai. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ  
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ  
اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

**Disediakan dan diedar oleh:**

Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

**NOTA:**

Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadis Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.

Sebarang pertanyaan atau maklum balas, sila hubungi

Unit Penerbitan, Bahagian Penyelidikan dan Informasi, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

Hubungi [088-522127](tel:088-522127) / [jheains.penerbitan@gmail.com](mailto:jheains.penerbitan@gmail.com) untuk sebarang pertanyaan/ maklumat lanjut.